

Lahirkan modal insan pendidik berkepakaran

BERAKAS, Isnin, 23 November. - Matlamat Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) ditubuhkan ialah untuk melahirkan modal insan pendidik yang berkepakaran. Begitu juga dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) untuk melahirkan para ulama.

"Alhamdulillah, kedua-dua buah institusi agama ini sudah pun melahirkan sekian ramai graduan, cuma soalnya, adakah mereka itu sudah boleh diiktiraf sebagai ulama?"

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor KUPU SB bertitah sedemikian semasa Majlis Konvokesyen Ke-10 KUPU SB, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"Pada hemat beta, ini semua banyak bergantung kepada sistem dan program pengajian. Oleh itu, seyogianya sistem dan program itu sentiasa dinilai atau direbiu," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dalam titah, baginda juga menjelaskan bahawa kiranya graduan Sarjana Muda dan Diploma Tertinggi Perguruan Agama pada hari ini adalah keluaran dari program yang telah dikemaskinikan sejak tahun 2016. Program ini mengintegrasikan antara pengalaman akademik dan perkembangan sahsiah melalui program kokurikulum.

Kebawah DYMM juga menegaskan bahawa jika program seperti ini dilaksanakan dengan berkesan, pada



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor KUPU SB berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen Ke-10 KUPU SB, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

pendapat baginda, ia sudah tentu yang benar-benar berkualiti dan mampu untuk melahirkan para graduan cemerlang.

Ilmu, akhlak pakaian bangsa

Dari muka 1

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menegaskan bahawa inilah, yang kita di Brunei Darussalam sedang mengisi atau membina diri dengan ilmu dan akhlak yang dibawa oleh Junjungan Besar kita, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Justeru, baginda menekankan, adapun institusi pengajian tinggi seperti

KUPU SB, adalah turut dibebankan dengan amanah ini.

Terdahulu, semasa Majlis Konvokesyen tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing.

"Beta juga mengucapkan tahniah kepada para ibu bapa dan penjaga serta para Pensyarah KUPU SB yang sentiasa memberikan sokongan dan bimbingan kepada para graduan.

"Kejayaan yang dianugerahkan oleh

Allah Subhanahu Wata'ala ini, perlulah disyukuri dengan meningkatkan lagi ketakwaan terhadap-Nya," titah baginda.

Sebelum mengakhiri titah, baginda sukacita merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua warga KUPU SB, terutama kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti dan Senat, Ra'es, pegawai-pegawai utama, ahli-ahli akademik serta kakitangan Kolej Universiti atas segala khidmat dan sumbangan yang mereka huluskan. Semoga Allah jua yang akan membalasnya.

Dari Sidang Pengarang.

25 NOVEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 ربيع الآخر 9

BERILMU, BERAKHLAK MULIA KERANA ALLAH SEMATA

HARAPAN negara adalah kepada para pendidik, iaitu untuk membentuk dan melahirkan generasi cemerlang dalam semua aspek. Aspek-aspek yang dimaksudkan adalah aspek ilmu dan akhlak yang mulia.

Ilmu yang dituntut semasa dalam pengajian di universiti sebaiknya adalah ilmu yang berkat. Ilmu yang berkat bermula daripada niat asal kita semasa menuntut. Niat menuntut ilmu yang ikhlas kerana Allah dan mendapat restu daripada ibu bapa dan keluarga, di samping para pensyarah yang mengongsikan ilmu berkenaan.

Dalam mendapat restu daripada ibu bapa dan keluarga pastinya memerlukan sokongan, usaha dan doa berterusan daripada ibu bapa dan keluarga. Selain itu, keberkatan ilmu yang diperoleh daripada para pensyarah atau guru juga perlu, di mana ilmu yang dikongsi hendaknya diterima dengan hati yang terbuka, ikhlas kerana Allah, di samping menghormati para pensyarah yang mengajar kita.

Jangan berasa diri sempurna, ingat, tidak ada manusia yang sempurna. Oleh itu, dalam mengimbangi kepesatan dan tuntutan masa kini, kita hendaknya sentiasa bersifat terbuka dengan teguran dan nasihat yang diterima daripada orang yang lebih tua, berpengalaman dan berilmu daripada kita.

Seandainya orang tua tidak berilmu belum tentu pengalamannya dapat ditandingi dengan ilmu kita ada. Oleh itu, cuba bukakan hati dengan teguran, tidak semestinya teguran yang diterima semuanya negatif, ambil yang positif dan jadikan ia sebagai pemacu pada perkembangan dan kemajuan dalam diri kita.

Pengalaman mendewasakan kita, pengalaman menjadi guru dalam kehidupan kita, ilmu yang diperoleh melengkapkan kita, gunakan dan terapkan ilmu bersama akhlak yang mulia, ilmu yang diperoleh perlu diimbangi dengan ilmu duniawi juga ukhrawi hendaknya.

Ilmu bersama akhlak merupakan kombinasi yang terbaik dalam kehidupan kita, dengan ilmu kita dipandang mulia, namun tanpa akhlak mulia nyatanya semua menjadi sia-sia, namun jika ilmu disertai dengan akhlak mulia, maka insyaaAllah bakal dipandang sebagai bangsa bertamadun lagi bermartabat mulia jua.

Walau ilmu setinggi mana, tanpa akhlak kita tidak berharga, ilmu lebih manis, bernilai dan berharga seandainya ia disertai dengan akhlak yang mulia, hormati orang tua, bertolak ansur sesama, bertanggungjawab pada nusa juga bangsa, ingat akan masa depan dan nasib mereka.

Jangan hanya menuntut ilmu sekadar mengejar pangkat, kesenangan dan kuasa, betulkan niat, muhasabah diri dan bersihkan hati juga minda, semoga segala usaha tidak akan menjadi sia-sia belaka nantinya.

"Ilmu dan akhlak, manakala keduanya itu menjadi pakaian bagi bangsa, maka bangsa tersebut tidak diragukan lagi adalah bangsa bermartabat. Inilah, yang kita di Brunei Darussalam sedang mengisi atau membina diri dengan ilmu dan akhlak yang dibawa oleh junjungan besar kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen Ke-10 Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.

Ilmu tanpa akhlak apa manfaatnya? Ilmu berserta akhlak apa kelebihanannya? Semua tertakluk kepada diri sendiri jua, keputusan yang dibuat laila bermanfaat hendaknya, gunakan ilmu sebaik mungkin juga, langkapkan ilmu dengan akhlak laila mulia, ingat akan jati diri bangsa sendiri sentiasa, imbangi pendidikan duniawi dan ukhrawi sebaiknya, niat laila ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala. - Ketua Penyuntingan (Nb)

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
PEKAN BANGAR 30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C
PEKAN TUTONG 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
KUALA BELAIT 32 24 °C	32 24 °C	30 24 °C

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi NOVEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	RABU	9	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	KHAMIS	10	4.39	4.49	6.11	6.35	12.09	3.30	6.04	7.17
27	JUMAAT	11	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
28	SABTU	12	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	AHAD	13	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.31	6.04	7.18
30	ISNIN	14	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
1 DISEMBER	SELASA	15	4.41	4.51	6.14	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Wallahu'Alam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca **114**

Brunei WX App

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC 123 | 2380214